



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 10/2023**

**30 OKTOBER 2023 | ISNIN**

**10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,**

Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

**MPS Bil.10/2023 bagi bulan Oktober**

pada pagi yang berbahagia ini.

## 1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 September 2023, MPS telah berjaya memperolehi kutipan Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak **RM90.98 juta (79.27%)** daripada **RM114.78 juta**.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM8.85 juta (73.72%)** berjaya diperolehi daripada jumlah keseluruhan tunggakan sebanyak **RM12 juta**.

## 2. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Setelah tamat tempoh bayaran cukai taksiran penggal 2/2023 pada 31 Ogos 2023, pihak Majlis telah memproses notis cukai taksiran (Borang E) kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan. Sebanyak **72,117 akaun** telah menerima notis cukai taksiran dengan caj lewat sebanyak **RM20**. Notis ini telah pun tamat pada **15 Oktober 2023**. Tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak **RM100** akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan setelah tamat notis.

2.2 Untuk makluman, MPS juga sedang meneruskan Kempen Bayaran Cukai Taksiran secara dalam talian (online) menerusi aplikasi MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat yang bermula sejak Januari 2023.

### **3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS**

3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, bagi memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Menerusi pautan <https://mymps.mps.gov.my> ini, pelanggan MPS boleh memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang serta kompaun MPS.

3.2 Untuk bulan September 2023, jumlah keseluruhan kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM 544,376.43** iaitu **3,535 transaksi** .

-----  
(Perincian untuk rujukan)

	<b>Lesen Perniagaan</b>	<b>Sewaan Gerai</b>	<b>Permit Bangunan dan Perancang</b>	<b>Kompaun</b>
<b>Transaksi</b>	101	833	29	2,572
<b>Jumlah</b>	RM 99,317.43	RM 282,482.25	RM 128,406.75	RM 34,170.00

#### **4. PORTAL MY-ESIM**

4.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah membangunkan portal semakan bil-bil melalui portal MY-ESIM (<https://my-esim.mps.gov.my>) bagi memudahkan orang awam membuat semakan sendiri menerusi carian nombor kad pengenalan atau nombor syarikat (SSM) pemohon.

4.2 Tujuan portal ini diwujudkan adalah bagi memastikan setiap permohonan yang dibuat tidak mempunyai tunggakan hasil sebelum diproses.

4.3 Untuk makluman, kutipan yang diterima berdasarkan sekatan E-SIM sehingga 30 September 2023 adalah sebanyak **RM15.327 juta** daripada jumlah tunggakan semasa carian sebanyak **RM 61.28 juta** melibatkan sebanyak **110,142 bilangan akaun**.

4.4 Justeru, kepada pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS, tunggakan hasil boleh disemak terlebih dahulu di MY-ESIM dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

## **5. PELAKSANAAN TEMPAT LETAK KERETA 2 JAM**

5.1 Untuk makluman, pelaksanaan tempat letak kereta 2 jam di bawah kawasan pentadbiran MPS telah berkuatkuasa mulai 16 Oktober 2023.

5.2 Dengan kadar 50 sen bagi tempoh setiap 30 minit, kini terdapat zon tempat letak kereta 2 jam di lokasi terpilih iaitu Bandar Baru Selayang, Selayang 18, Desa Jaya, Sri Gombak, Prima Sri Gombak, Taman Samudera, Taman Sri Batu Caves, Bandar baru Rawang dan Taman Jati Rawang.

5.3 Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi hotline Suasa Efektif di talian 1-300-88-2025.

## **6. PELAKSANAAN PENGAUDITAN EKSA MPS BIL. 2/2023**

6.1 Seterusnya, saya ingin memaklumkan pelaksanaan pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPS Bilangan 2/2023 akan dilaksanakan pada 14 hingga 22 November 2023 di jabatan masing-masing.

6.2 Untuk makluman, pengauditan ini akan dilaksanakan di semua zon dan penilaian adalah berdasarkan kriteria iaitu Keperluan Utama Pelaksanaan Zon (Komponen A) Ruang Pejabat (Komponen B), Tempat Umum (Komponen C), Keselamatan Persekitaran (Komponen D), Kawasan Persekitaran Jabatan (Komponen E), Tempat Umum (Komponen F - Kaunter Pembayaran) dan Tempat Khusus (Komponen F - Taska, Padang, Kolam Renang, Stadium, Bengkel, Pusat Latihan ICT dan Studio Muzik).

6.3 Oleh yang demikian, setiap zon diminta untuk membuat persediaan sebelum kedatangan Juruaudit EKSA bagi menilai tahap pelaksanaan EKSA di setiap zon.

## **7. TAHNIAH KEPADA BARISAN URUS SETIA PROGRAM**

7.1 Saya ingin menzahirkan ucapan tahniah saya kepada barisan urus setia yang tidak mengenal erti penat lelah bagi menjayakan program-program anjuran MPS sepanjang bulan Oktober ini.

7.2 Antara program yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah Karnival Sukan Komuniti Selayang (SUKOMSEL), Majlis Penyerahan Rasmi Galeri Batu Arang Gombak-Hulu Langat Geopark oleh NRECC kepada MPS, Program Masih Ada Yang Sayang, Program Kucing Angkat 'We Love Cats', Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan (STANCO) Negeri Selangor, Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR), dan Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS).

7.3 Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan lancar seperti yang kita semua rancang. Tahniah dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua atas komitmen yang



diberikan sepenuhnya dalam menjayakan program-program tersebut.

- 7.4 Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan yang telah mengambil bahagian dalam Program Cetus Idea Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2.0. Dimaklumkan sebanyak 15 kumpulan KIK telah menampilkan idea-idea kreatif dan inovatif mereka.
- 7.5 Sekalung penghargaan juga ingin disampaikan kepada barisan juri yang turut serta bersama saya iaitu Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Ketua WHIP Ahli Majlis MPS dan Puan Asilatulsyila binti Ahmad Shukari, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- 7.6 Semoga penganjuran pertandingan seperti ini dapat diteruskan untuk memberi peluang kepada kakitangan untuk mencipta idea inovasi demi meningkatkan mutu perkhidmatan di MPS.

## **8. PERSEDIAAN MENGHADAPI BANJIR**

- 7.1 Seperti yang dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Monsun Timur Laut dijangka akan bermula pada November 2023 hingga Mac 2024. Risiko banjir berkemungkinan akan meningkat

sekiranya berlaku serentak kejadian hujan monsun, luruan ribut, dan air pasang besar.

- 7.2 Sebagai persediaan menghadapi Monsur Timur Laut, seluruh jabatan telah diarahkan oleh kerajaan negeri Selangor bersiap sedia dengan beberapa tindakan, antaranya *Smart Selangor Operation Centre* yang akan mengkoordinasi dan memantau pemakluman kepada rakyat menerusi kerjasama dengan Jabatan Meteorologi.
- 7.3 Di peringkat Daerah juga melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana, semua jabatan akan berkoordinasi untuk memastikan kesiap siagaan keatas sebarang kemungkinan bencana banjir.
- 7.4 Di peringkat MPS juga semua jabatan terutama jabatan teknikal telah diarahkan untuk bersedia bagi menghadapi kemungkinan banjir dengan memberi fokus ke atas hotspot banjir dan juga hotspot tanah runtuh di kawasan pentadbiran MPS. Insya Allah melalui persediaan awal ini, banyak perkara yang tidak diingini dapat dielakkan.

## **9. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI**

9.1 Akhir kata saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali, "Deepavali Vaalthukal" kepada semua warga kaum india MPS yang beragama Hindu. Semoga perayaan Deepavali pada 12 November 2023 ini akan disambut dengan meriah bersama sanak saudara dan keluarga tercinta serta rakan taulan.

9.2 Harapan saya juga, semoga perayaan festival cahaya ini akan membawa sinaran cahaya kebahagiaan dan keharmonian yang lebih gemilang kepada kita semua.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.